

## HUBUNGAN PEMBINAAN NEGARA BANGSA TERHADAP SELF ESTEEM DAN TINGKAH LAKU AKADEMIK

**\*Che Aleha Ladin (PhD)**

**Intan Marfarrina Omar (PhD)**

Fakulti Pendidikan

Universiti Malaya

\*chealeha@um.edu.my

**Kamaruddin Ilias (PhD)**

Institut Pendidikan Guru Kampus Ipoh

### ABSTRACT

The nation building is the ultimate goal of a country and is regarded as the culmination of the nation's success, its administration and its people. Education becomes the best place to form unity and formation of a superior nation. The purpose of this study is to investigate the relationship between nation building and self esteem, relationship between nation building and academic behaviour and the relationship between self esteem and academic behaviour. The research design used is a survey study. The population of the study was 270 Post Graduate Diploma Education students who took the subject of History and Basic Philosophy of Education at University of Malaya. A total of 159 students were chosen by random random sampling. The nation building instrument was adopted from Zarina (2010), the academic behavior instrument was adopted from Iliina Motivation for Learning Instruments by Iliin (2000) and instrument for self esteem was adopted from The Rosenberg Self-Esteem Scale by Rosenberg (1965). The findings showed that there was a significant positive relationship between nation building and self esteem and there is a significant positive relationship between nation building and academic behaviour. However, there was no significant relationship between self esteem and academic behaviour. The concept of nation building through teaching of History and Basic Philosophy of Education subjects is important for achieving the goals of a developed nation that is aligned with the National Education Philosophy.

**Keywords:** *Nation building, Academic behaviour, Self Esteem, History and basic philosophy of education*

### PENGENALAN

Negara bangsa ialah masyarakat yang terdiri daripada pelbagai etnik, agama dan budaya yang mengamalkan sikap kesefahaman dan toleransi budaya melalui proses akulturasi dan asimilasi dalam suasana harmoni antara kaum dan etnik (Noraini & Zawiah, 2006). Abd Aziz et.al., (2002), merujuk negara bangsa sebagai sebuah negara dengan penduduk dengan masyarakatnya yang sudah menerima satu pandangan dunia (*weltanschauung*) politik yang sama. Sebuah negara bangsa ialah ciri-ciri masyarakat yang hidup aman tanpa dipisahkan oleh elemen yang sempit, sebahagian besar berpegang kepada ideologi politik yang sama dan kepercayaan kepada sistem pemerintahan dan undang-undang negara.

Konsep pembinaan negara bangsa mula diperkenalkan oleh Perdana Menteri Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad dalam Majlis Perniagaan Malaysia pada 28 Feb 1991. Satu kertas kerja telah dibentangkan mengenai matlamat Malaysia menjadi sebuah negara maju pada tahun 2020 atau lebih dikenali sebagai Wawasan 2020. Hasrat ini diharapkan dapat menjadikan masyarakat Malaysia yang dapat dikenali melalui usaha mencapai kecemerlangan, sedar semua kemampuannya, tidak mengalah kepada sesiapa, dan dihormati oleh rakyat negara lain. Justeru, konsep negara bangsa menjurus kepada sebuah negara yang berdaulat dengan rakyatnya bersatu padu tanpa sentimen perkauman, keturunan, agama, bahasa, budaya, kedaerahan yang boleh menghalang kepada pembentukan negara bangsa. Pembinaan negara bangsa adalah agenda kerajaan bagi menyatupadukan rakyat yang berbilang kaum (Ishak, 2009).

Bagi mencapai matlamat tersebut, Kementerian Pendidikan Malaysia bertindak mewajibkan semua IPTA mengajar kursus umum, Tamadun Islam dan Tamadun Dunia (TITAS) pada sesi pengajian Mei 1998/1999 (Abdul Hafiz & Abdul Rahim, 2006). Bagi pelajar Fakulti Pendidikan, kursus Sejarah dan Asas Falsafah Pendidikan juga adalah kursus teras Fakulti yang wajib diambil. Ia bertujuan memastikan pelajar memahami sejarah perkembangan pendidikan di Malaysia dan menganalisis faktor-faktor yang mempengaruhi polisi dan amalan pendidikan dari semasa ke semasa berlandaskan pegangan Falsafah Pendidikan Kebangsaan. Di samping itu, kursus ini juga dapat membantu melahirkan generasi mahasiswa yang mahir dalam kerjaya perguruan khususnya dalam memahami sejarah pendidikan Malaysia dan menghayati aspirasi negara. Secara tidak langsung, kefahaman terhadap konsep pembinaan negara bangsa, jati diri dan keyakinan dapat dipupuk.

### **Pernyataan Masalah**

Usaha ke arah pembentukan negara bangsa bukan suatu perkara yang mudah kerana pembentukan negara bangsa sukar berlaku melalui perancangan atau program tetapi lebih berjaya melalui proses semulajadi di bawah asas sejarah yang terbina sejak dahulu (Mahdi *et. al.*, 2010). Tambahan pula untuk mewujudkan negara bangsa bukanlah sesuatu yang dicipta melalui perundangan seperti kewarganegaraan tetapi sesuatu yang dihubungkan dengan sejarah dan hubungan darah sesuatu bangsa (Ishak Saat, 2009). Melalui penawaran kursus umum di institusi pengajian tinggi ia akan dapat membantu melahirkan generasi mahasiswa yang mahir dalam kerjaya dan pada masa sama juga memahami serta menghayati aspirasi negara (Lembaga Akreditasi Negara, 1998). Kursus-kursus umum universiti tergolong dalam kelompok bidang pengajian umum menekankan kepada pengetahuan am terkini dan kemahiran yang relevan kepada pembentukan mahasiswa seimbang dan harmonis dari segi kognitif, afektif, jasmani dan rohani (Abdul Latif, 2000). Oleh itu, kajian perlu dilakukan untuk melihat peranan kursus teras Fakulti Pendidikan seperti Sejarah dan Asas Falsafah Pendidikan bagi membentuk negara bangsa dalam kalangan pelajar.

Cabaran globalisasi ekonomi dan globalisasi teknologi yang memberi implikasi kepada penduduk negara (Syed Ismail & Meor Aris, 2016) juga boleh menjejaskan semangat kenegaraan (negara bangsa) dan jati diri pelajar. Isu dan cabaran pembinaan negara bangsa di Malaysia juga disebabkan oleh kegagalan dalam membina iklim sekolah yang berkesan, kurang komitmen guru terhadap sekolah dan masalah jati diri murid di sekolah (Mahdi Shuid, Mohd Hanafi, Abd Aziz & Kamaruddin, 2016). Justeru, latihan pembentukan kefahaman, jati diri dan sahsiah guru yang memahami hala tuju negara akan dapat membantu sistem pendidikan negara mencapai matlamat negara bangsa.

Cabaran yang perlu direalisasikan dalam Wawasan 2020 bagi membina negara bangsa ialah 'mewujudkan masyarakat yang berjiwa bebas, tenteram dan maju dengan keyakinan terhadap diri sendiri, bangga dengan apa yang dicapai serta gagah menghadapi pelbagai masalah'. Satu langkah yang komprehensif perlu dilaksanakan agar matlamat Wawasan 2020 tercapai dengan jayanya. Selain dari itu, peranan negara bangsa terhadap *self esteem* dan tingkahlaku akademik pelajar di universiti juga relevan diberi perhatian. Ini kerana isu *self esteem* dan tingkahlaku akademik pelajar semakin

mencabar khususnya dalam mencapai hasrat kemenjadian pelajar yang kompeten, berwibawa dan menyeluruh.

### Objektif Kajian

Objektif kajian ini adalah:

1. Meninjau hubungan antara pembinaan negara bangsa dengan tingkah laku akademik.
2. Meninjau hubungan antara pembinaan negara bangsa dengan *self esteem*.
3. Meninjau hubungan antara *self esteem* dan tingkah laku akademik.

### Hipotesis Kajian

Hipotesis kajian ini adalah:

- Ho1 Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara pembinaan negara bangsa dengan tingkah laku akademik.
- Ho2 Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara pembinaan negara bangsa dengan *self esteem*.
- Ho2 Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara *self esteem* dan tingkah laku akademik.

### TINJAUAN LITERATUR

Konsep negara bangsa mengandungi tiga komponen iaitu negara, individu dan bangsa. Faktor yang mempengaruhi negara bangsa ialah integrasi, nasionalisme, patriotisme dan demokrasi. Manakala ancaman pembentukan sebuah negara bangsa ialah globalisme, kepelbagaian budaya, patriotisme dan demokrasi (Zulhilmi & Rohani, 2003). Bagi meningkatkan kefahaman dan semangat negara bangsa dalam kalangan pelajar khususnya, pengubal dan pelaksana sesuatu dasar perlulah menganalisis komponen-komponen, faktor-faktor dan ancaman dalam memantapkan dan meningkatkan lagi pembentukan negara bangsa berkenaan. Perkara tersebut amat berkaitan dengan *self esteem* dan tingkah laku akademik pelajar.

#### *Self esteem*

Teori Abraham Maslow (1968) membincangkan lima keperluan yang perlu dipenuhi seperti fisiologi, keselamatan, sosial, penghargaan diri dan pencapaian hasrat diri. Merujuk kepada penghargaan sendiri, teori ini menjelaskan penguasaan ke atas diri kita sendiri dan dalam masa yang sama, kekuatan, kebolehan, kepakaran serta kebebasan amat diperlukan. Manusia sentiasa rasa ingin dihormati, disanjung dan memenuhi kehendak status dalam hidup. Teori ini juga melihat manusia sebagai insan yang baik serta mulia dan mempunyai dorongan untuk berkembang ke arah kesempurnaan sendiri. Pencapaian keperluan penghargaan sendiri akan membolehkan manusia mempunyai rasa harga diri, berkebolehan, berguna dan boleh berjasa kepada masyarakat.

Pelajar yang berjaya adalah mereka yang boleh mewujudkan penghargaan sendiri yang baik. *Self esteem* menurut Mulligan (1991) ialah tahap kepercayaan yang seseorang itu miliki dalam dirinya dan menunjukkan tahap penerimaan sendiri. Ia adalah satu cara mengukur sejauh mana berharga individu menilai dirinya ingin jadi dan cara mengawal kesejahteraan psikologi. Penghargaan sendiri selalu dikaitkan dengan cara mana individu melihat dirinya sendiri iaitu imej sendiri dan mempunyai dengan konsep seperti keyakinan diri dan hormat sendiri. Menurut Rosenberg (1965) seseorang mempunyai *self esteem* (penghargaan sendiri) yang tinggi akan merasai dirinya sangat bernilai dan disanjung dan individu mempunyai penghargaan sendiri yang rendah akan memandang dirinya sebagai insan yang

tidak berguna, tidak berharga, tidak berupaya dan serba kekurangan dalam semua bidang. Kurang keyakinan diri (*lower self esteem*) bermakna individu meletakkan nilai yang rendah terhadap dirinya. Seterusnya mereka beranggapan bahawa diri mereka tidak sebaik orang lain, sentiasa gagal membuat sesuatu perkara dan sering menganggap diri mereka tidak disayangi oleh orang lain (Suppiah Nachiappan *et. al.*, 2009). Rosenberg, Schooler, Schoenbach, C. & Rosenberg (1995) mendapati bahawa penghargaan sendiri mempunyai pengaruh yang besar terhadap tingkah laku dan penilaian tentang dirinya dan orang lain. Kajian lepas mendapati tahap penghargaan sendiri yang rendah menjadi penyumbang kepada tekanan hidup, tingkah laku negatif dan gangguan emosi (Orth, Robins, Meier, & Conger, 2016; Hawton, Saunders, & O'Connor, 2012; Sowislo & Orth, 2012).

Justeru, *self esteem* ialah tahap kepercayaan yang seseorang itu miliki dalam dirinya dan tahap penerimaan sendiri. Ia dikaitkan dengan cara mana individu melihat dirinya sendiri iaitu imej sendiri dan mempunyai dengan konsep seperti keyakinan diri dan hormat sendiri. Kurang keyakinan diri (*lower self esteem*) bermakna individu meletakkan nilai yang rendah terhadap dirinya. Seterusnya mereka beranggapan bahawa diri mereka tidak sebaik orang lain.

### **Tingkah laku Akademik**

Tingkah laku pula ialah sebahagian daripada elemen sikap bagi seseorang individu. Menurut Azizi (2005) tingkah laku merupakan penampilan dan hasil terjemahan atau ekspresi terhadap perubahan emosi, perasaan dan pemikiran. Tingkah laku mempunyai unsur-unsur fizikal yang boleh dilihat dengan mata kasar. Tingkah laku positif adalah berlawanan dengan tingkah laku delinkuen dan devian. Delinkuen didefinisikan sebagai tingkah laku yang ganjil dan tidak bermoral serta tidak dapat diterima. Devian pula adalah kelakuan yang melanggar jangkauan yang diinstitusikan iaitu jangkauan yang dikongsi dan diiktiraf sebagai sah dalam sesuatu sistem sosial (Azizi, 2005). Faktor-faktor berlaku masalah tingkah laku ialah faktor budaya, sekolah dan agama. Faktor budaya yang tidak baik untuk remaja seperti budaya kuning, ekstrem dan budaya pemalas. Faktor sekolah iaitu sekolah yang tidak menekankan pembelajaran berkualiti dan faktor agama iaitu remaja membuat tafsiran yang salah terhadap agama (Suppiah Nachiappan *et. al.*, 2009). Tingkah laku berkenaan akan menjejaskan akademik pelajar.

Menurut Fredricks *et.al.*, (2004), penglibatan tingkah laku paling biasa ditakrifkan dalam tiga cara iaitu (i) melibatkan tingkah laku yang positif seperti mengikuti peraturan dan mematuhi norma-norma bilik darjah, tidak menunjukkan tingkah laku yang boleh mengganggu seperti ponteng sekolah dan menimbulkan kesusahan (Finn & Rock, 1997), (ii) penglibatan tingkah laku dalam pembelajaran dan tugas-tugas akademik seperti usaha, ketekunan, tumpuan, perhatian, bertanya soalan dan menyumbang kepada perbincangan kelas (Birch & Ladd, 1997), dan (iii) terlibat dalam aktiviti kurikulum di sekolah (Finn, Pannoza & Voelkl, 1995).

Oleh yang demikian, tingkah laku akademik merangkumi tingkah laku yang positif (seperti mengikuti peraturan), penglibatan tingkah laku dalam pembelajaran dan tugas-tugas akademik (seperti usaha dan terlibat dalam aktiviti kurikulum di sekolah).

## **METODOLOGI KAJIAN**

### **Rekabentuk Kajian**

Kajian ini adalah satu penyelidikan kuantitatif yang menggunakan rekabentuk kajian tinjauan. Kajian ini juga menggunakan analisis korelasi. Menurut Zukarnain & Hishamuddin (2001) analisis korelasi bertujuan untuk mengetahui samada wujud atau tidak hubungan antara pemboleh ubah, menerangkan kekuatan hubungan serta arah hubungan antara pemboleh ubah.

### Sampel Kajian

Populasi kajian adalah seramai 270 orang pelajar Diploma Pasca Siswazah Pendidikan yang mengambil subjek Sejarah dan Asas Falsafah Pendidikan di Universiti Malaya. Seramai 159 orang pelajar telah dipilih secara persampelan rawak mudah (Krejcie dan Morgan, 1970).

Berikut ialah profil responden dari segi demografi iaitu jantina.

Jadual 1.1

*Taburan responden mengikut demografi*

Profil		Kekerapan	Peratusan
Jantina	Lelaki	48	30.19
	Perempuan	111	69.81

Jadual 1.1 di atas menunjukkan taburan profil responden mengikut demografi iaitu jantina. Pelajar lelaki sebanyak 30.19% dan pelajar perempuan sebanyak 69.81%.

### Instrumen Kajian

Kajian ini menggunakan soal selidik sebagai alat ukur kajian. Instrumen kajian terbahagi kepada dua bahagian iaitu bahagian A ( latar belakang responden) dan bahagian B yang terdiri daripada empat bahagian iaitu pembinaan negara bangsa, pembinaan kemahiran, motivasi (tingkah laku akademik), dan self esteem.

Alat ukur soal selidik pembinaan negara bangsa diadaptasi daripada Zarina (2010) yang mengandungi 9 item, alat ukur tingkah laku akademik pelajar diambil dan diadaptasi daripada *Iliin Motivation for Learning Instruments* oleh Iliin (2000) yang terdiri daripada 15 item dan alat ukur *self esteem* ialah daripada *The Rosenberg Self-Esteem Scale* oleh Rosenberg (1965) yang mengandungi 10 item. Cara permarkahan menggunakan skala Likert dari 1 hingga 5 item iaitu sangat setuju (5), setuju (4), tidak pasti (3), tidak setuju (2) dan sangat tidak setuju (1).

### Kebolehpercayaan Alat Kajian

Bagi memastikan kebolehpercayaan alat kajian, pekali kebolehpercayaan *Alpha Cronbach* digunakan.

Jadual 1.2

*Nilai pekali kebolehpercayaan alat ukur pembinaan negara bangsa, self esteem dan tingkah laku akademik*

Alat ukur	Alfa Cronbach
Pembinaan negara bangsa	0.92
Self esteem	0.70
Tingkah laku akademik	0.77
Keseluruhan	0.89

Berdasarkan Jadual 1.2 di atas, pekali kebolehpercayaan *Alpha Cronbach* kajian ini ialah bagi alat ukur pembinaan negara bangsa ialah 0.92, alat ukur *self esteem* ialah 0.70 dan tingkah laku akademik ialah 0.77. Pekali kebolehpercayaan *Alpha Cronbach* keseluruhan instrumen ialah 0.89.

### Analisis Data

Analisis kajian berdasarkan data-data numerika yang diperolehi daripada borang soal selidik dengan menggunakan statistik deskriptif dan statistik inferensi dengan bantuan perisian SPSS, versi 23. Ujian kebolehpercayaan melalui kajian rintis dilakukan ke atas instrumen pembinaan negara bangsa, *self esteem* dan tingkah laku akademik dengan menggunakan alat statistik Cronbach Alpha. Analisis Penerokaan Data (*Exploration Data Analysis-EDA*) iaitu penyelidikan mengkaji keadaan data yang diperolehi bagi menentukan data tersebut adalah normal dan linear. Analisis kekerapan dan peratusan digunakan untuk menjelaskan profail responden. Di dalam kajian, ini aras keertian atau kesignifikanan 0.05 digunakan dalam pengujian hipotesis. Ini menunjukkan peluang ralat sampel ialah 5.0 peratus. Paras keertian 0.05 digunakan sebagai rujukan kerana ia merupakan salah satu paras signifikan *standard* yang biasanya digunakan dalam kebanyakan penyelidikan Sains Sosial (Kerlinger & Pedhazur, 1973). Statistik inferensi yang digunakan dalam kajian ini ialah korelasi Pearson (*Product Moment Correlation Pearson*). Korelasi Pearson digunakan untuk menganalisis data kajian objektif satu hingga tiga serta menguji hipotesis  $H_0$ 1 hingga  $H_0$ 3.

Dalam kajian analisis korelasi ini, nilai pekali korelasi Guilford oleh Guilford (1956) digunakan untuk menerangkan nilai pekali korelasi ( $r$ ). Ia sebagai panduan untuk melihat kekuatan setiap pemboleh ubah yang terlibat di dalam kajian ini.

Jadual 1.3

#### Nilai Pekali Korelasi

Nilai Pekali Korelasi $r$	Interpretasi
Kurang daripada 0.20	Hubungan yang sangat lemah.
0.20 - 0.40	Korelasi rendah.
0.40 - 0.70	Korelasi sederhana.
0.70 - 0.90	Korelasi tinggi.
0.90 - 1.00	Korelasi sangat tinggi.

Sumber: Guilford (1956)

Merujuk kepada Jadual 1.3 di atas, nilai pekali korelasi ( $r$ ) kurang daripada 0.20 maka hubungan yang sangat lemah, pekali korelasi antara 0.20-0.40 adalah korelasi rendah, pekali korelasi 0.40-0.70 adalah korelasi sederhana, pekali korelasi antara 0.70-0.90 adalah korelasi tinggi dan 0.90-1.00 adalah korelasi sangat tinggi.

### DAPATAN KAJIAN

#### Keputusan Ujian Normaliti

Kaedah bagi ujian normaliti adalah berdasarkan nilai skewness dan kurtosis, ujian Kolmogorov-Smirnov dan ujian Shapiro-Wilk. Juga ujian kenormalan secara *graphically* melibatkan *Histograms*, *Stem-and-Leaf Plots*, *Boxplots*, *Normal Probability Plots* dan *Detrended Normal Plots*. Keputusan ujian normaliti berdasarkan beberapa kaedah ujian normaliti menunjukkan bahawa data kajian adalah bertaburan normal.

### Hubungan Pembinaan Negara Bangsa dengan Tingkah Laku Akademik

Jadual 1.4

*Hubungan pembinaan negara bangsa dengan tingkah laku akademik pelajar*

	Tingkah Laku Akademik	
	<i>r</i>	<i>p</i>
Pembinaan Negara Bangsa	0.721**	0.000

Berdasarkan Jadual 1.4, hubungan antara pembinaan negara bangsa dengan tingkah laku akademik pelajar menunjukkan nilai  $p = 0.000$  iaitu lebih kecil daripada nilai  $\alpha = 0.05$ . Ini bermakna terdapat hubungan yang signifikan antara pembinaan negara bangsa dengan tingkah laku akademik pelajar. Nilai pekali korelasi Pearson ( $r$ ) yang diperolehi ialah 0.721\*\* dan ini bermakna terdapat korelasi tinggi. Nilai pekali korelasi  $r$  positif menunjukkan hubungan positif antara pembinaan negara bangsa dengan tingkah laku akademik. Ini bermakna apabila pembinaan negara bangsa meningkat maka tingkah laku akademik juga semakin baik.

### Hubungan Pembinaan Negara Bangsa dengan *Self Esteem*

Jadual 1.5

*Hubungan pembinaan negara bangsa dengan self esteem*

	<i>Self Esteem</i>	
	<i>r</i>	<i>p</i>
Pembinaan Negara Bangsa	0.527**	0.000

Berdasarkan Jadual 1.5 di atas, hubungan antara pembinaan negara bangsa dengan *self esteem* menunjukkan nilai  $p = 0.000$  iaitu lebih kecil daripada nilai  $\alpha = 0.05$ . Ini bermakna terdapat hubungan yang signifikan antara pembinaan negara bangsa dengan *self esteem*. Nilai pekali korelasi Pearson ( $r$ ) yang diperolehi ialah 0.527\*\* dan ini bermakna terdapat korelasi sederhana. Nilai pekali korelasi  $r$  positif menunjukkan hubungan positif antara pembinaan negara bangsa dengan *self esteem*. Ini bermakna apabila pembinaan negara bangsa meningkat maka *self esteem* juga semakin baik.

### Hubungan *Self Esteem* dengan Tingkah Laku Akademik

Jadual 1.6

*Hubungan self esteem dengan tingkah laku akademik*

	Tingkah laku Akademik	
	<i>r</i>	<i>p</i>
<i>Self Esteem</i>	0.021	0.842

Berdasarkan Jadual 1.6, hubungan antara *self esteem* dengan tingkah laku akademik menunjukkan nilai  $p = 0.842$  iaitu lebih besar daripada nilai  $\alpha = 0.05$ . Ini bermakna tidak terdapat hubungan yang signifikan antara *self esteem* dengan tingkah laku akademik.



## PERBINCANGAN

Secara keseluruhan, dapatan kajian menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan antara pembinaan negara bangsa dengan tingkah laku akademik pelajar, terdapat hubungan yang signifikan antara pembinaan negara bangsa dengan *self esteem* dan tidak terdapat hubungan yang signifikan antara *self esteem* dengan tingkah laku akademik.

Dapatan kajian yang menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan antara pembinaan negara bangsa dengan tingkah laku akademik dan *self esteem* adalah selari dengan kajian Zarina *et.al.*, (2007) yang mendapati kursus-kursus umum berkesan membentuk sikap pelajar. Aspek sikap meliputi pemupukan sifat positif, pemupukan daya kreativiti, pemupukan penghayatan nilai-nilai sejarah, kenegaraan, nilai-nilai murni dan keterampilan diri. Kajian oleh Mohamad Khairi *et. al.*, (2006) juga menunjukkan kursus-kursus pengajian umum mampu menyediakan penghayatan falsafah pendidikan berpandukan nilai-nilai mulia dan sejarah. Dapatan kajian ini juga di sokong oleh Zarina (2010) iaitu pelajar IPTA dan IPTS yang mengambil kursus umum wajib memberi kesan positif dalam membentuk kemahiran dan penghayatan nilai yang menjurus kepada konsep membina negara bangsa.

Namun demikian terdapat pelbagai faktor yang boleh mempengaruhi nilai diri seseorang kepada negara antaranya ialah kesan globalisasi yang boleh memberi ancaman kewujudan negara bangsa. Hail (2015) menjelaskan umur, keturunan, agama, negeri dan kawasan tidak jelas mempengaruhi aspek rasa bangga kepada negara. Hal ini relevan dengan kajian Kondo dan Wu (2011) yang menyatakan bahawa dunia tanpa sempadan mengatasi nilai diri seseorang kepada negara dan bukannya dalam konteks latar belakang seseorang. Patriotisme di Malaysia kelihatan seolah-olah tiada pengaruh besar daripada latar belakang pelajar, sebaliknya mungkin disebabkan oleh pengaruh lain seperti globalisasi. Setiap negara terpaut kepada jaringan aliran maklumat secara global yang ditunjangi kecanggihan teknologi.

Jelas menunjukkan dapatan kajian yang dijalankan ke atas pelajar yang mengambil kursus teras fakulti iaitu Sejarah dan Asas Falsafah Pendidikan di Malaysia dapat membantu kepada pembentukan negara bangsa Malaysia yang mempunyai *self esteem* dan tingkah laku akademik yang positif. Ini kerana nilai patriotisme, nilai tingkah laku bilik darjah, kefahaman sejarah perkembangan pendidikan di Malaysia, pendekatan pengajaran dan pembelajaran berasaskan Falsafah Pendidikan Kebangsaan telah dimasukkan dalam kursus ini.

## RUMUSAN

Pendidikan yang menerapkan unsur pendidikan negara bangsa menjadi pemangkin dalam membentuk negara bangsa yang mampan. Pendidikan dapat menguatkan jati diri pelajar agar dapat melawan pengaruh globalisasi. Program pendidikan sedia ada melalui kursus teras fakulti di peringkat universiti perlu diteruskan supaya dapat memantapkan nilai patriotisme pelajar agar tidak dipengaruhi oleh cabaran globalisasi dunia. Selain dari itu, sistem pendidikan kebangsaan dari akar umbi yang bertunjangan Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK) akan dapat memastikan rakyat Malaysia berupaya mencapai kesejahteraan diri dalam menghadapi cabaran, masalah dan rintangan hidup (Yusof & Khayati, 2003).

Oleh itu untuk mencapai FPK, penghargaan sendiri dianggap sebagai salah satu elemen penting yang dapat menjamin kesejahteraan hidup manusia. Pembinaan negara bangsa menjadi matlamat utama sesebuah negara dan dianggap sebagai kemuncak kejayaan negara, pentadbiran dan penduduknya. Pendidikan negara bangsa dapat meningkatkan *self esteem* dan tingkahlaku akademik pelajar. Pendidikan di Malaysia khususnya di peringkat universiti menjadi wadah terbaik untuk membentuk perpaduan dan mencorakkan pembentukan negara bangsa yang unggul.



**RUJUKAN**

- Abd Aziz Ismail, Ishak Osman, Amiruddin Zainuddin, Amishariff Abu Bakar & Ainun Omar (2002). *Pendidikan negara bangsa Malaysia*. Ampang: Penerbitan Salafi.
- Abdul Hafiz Abdullah & Abdul Rahim Jusoh (2006). Persepsi pelajar terhadap mata pelajaran TITAS: Satu kajian di kalangan pelajar tahun 1 Fakulti Kejuruteraan Elektrik, Fakulti Kejuruteraan Kimia dan Kejuruteraan Sumber Asli UTM. *Prosiding Seminar Kebangsaan Pengajian Umum* (SKPU 2006).
- Azizi Yahaya (2005). *Aplikasi kognitif dalam pendidikan*. Pahang: PTS Professional Publishing Sdn.Bhd.
- Birch, S. H., & Ladd, G. W. (1997). The teacher-child relationship and children's early school adjustment. *Journal of School Psychology, 35*: 61-79.
- Fredricks, J. A., Blumenfeld, P. C., & Paris, A. H. (2004). School engagement: Potential of the concept, state of the evidence. *Review of Educational Research, 74*(1): 59-109.
- Finn, J. D., & Rock, D. A. (1997). Academic success among students at risk for school failure. *Journal of Applied Psychology, 82*: 221-234.
- Finn, J. D., & Pannozzo, G. M., & Voelkl, K. E. (1995). Disruptive and inattentive withdrawn behavior and achievement among fourth graders. *Elementary School Journal, 95*: 421-454.
- Guilford, J.P. (1956). *Fundamental statistics in Psychology and Education*. New York: Mc Graw-Hill.
- Hail H.C. (2015) Patriotism abroad overseas Chinese students' encounters with criticisms of China. *Journal of Studies in International Education* (versi proof-read), 1-16.
- Hawton, K., Saunders, K. E. A., & O'Connor, R. C. (2012). Self-harm and suicide in adolescents. *The Lancet*. [http://doi.org/10.1016/S0140-6736\(12\)60322-5](http://doi.org/10.1016/S0140-6736(12)60322-5).
- Iliin, P. (2000). *Motivatsia y motivy* [Motivation and motives] dalam Irina Khramtsova, David A. Saarnio, Katharine Williams, Irina Khramtsova (2007) Happiness, life satisfaction and depression in college students: Relations with student behaviors and attitudes. *American Journal of Psychological Research, 3* (1):8-16.
- Ishak Saat (2009). *Pendidikan negara bangsa Malaysia*. Shah Alam: Karisma Publication Sdn Bhd.
- Kerlinger, F.W., & Pedhazur, E.J. (1973). *Multiple Regression in behavioral research*. New York: Holt, Rinehart and Winston.
- Kondo T, Wu X. (2011) A comparative study of patriotism as a goal of school education in China and Japan. *Journal of Social Science Education 10*(1): 23-32.
- Krejcie, R.V., & Morgan, D.W. (1970). Determining sample size for research. *Educational and Psychological Measurements, 30*: 607-610.
- Mahdi Shuid, Mohd Hanafi Zainal, Abd Aziz Ismail & Kamaruddin Ilias (2010). *Pendidikan negara bangsa Malaysia*. Puchong: Penerbitan Multimedia Sdn Bhd.

- Mahdi Shuid, Mohd Hanafi Zainal, Abd Aziz Ismail & Kamaruddin Ilias (2016). *Pendidikan negara bangsa Malaysia*. Petaling Jaya: SASBADI.
- Mohamad Khairi Othman & Mohd Niizho Abdul Rahman (2006). *TITAS dalam mendepani cabaran pembangunan holistik: Kajian minat dan persepsi pelajar terhadap kepentingannya*. *Prosiding Seminar Kebangsaan Pengajian Umum* (SKPU 2006).
- Mulligan, J. (1991). *The personel management handbook. How to make the most of your potential*. London: Marshall Editions Ltd.
- Nooraini Sulaiman & Zawiah Mat (2006). *Revelensi negara bangsa dalam pembinaan Tamadun Malaysia*. *Prosiding Seminar Kebangsaan Pengajian Umum* (SKPU 2006).
- Orth, U., Robins, R. W., Meier, L. L., & Conger, R. D. (2016). Refining the vulnerability model of low self-esteem and depression: Disentangling the effects of genuine self-esteem and narcissism. *Journal of Personality and Social Psychology*, 110 (1):133–149. <http://doi.org/10.1037/pspp0000038>.
- Rosenberg, M. (1965). *Society and the adolescence self esteem*. New York: Princeton University Press.
- Rosenberg, M., Schooler, C., Schoenbach, C., & Rosenberg, F. (1995). Global self esteem and specific self-esteem: Different concepts, different outcomes. *Source American Sociological Review*, 60(1):141–156. <http://doi.org/10.2307/2096350>.
- Suppiah Nachiappan, Kamarulzaman Kamaruddin, Abd Aziz Abd Shukor, Ramlah Jantan, Roslinda Mustapha & Hazalifah Hamzah (2009). *Pembelajaran dan perkembangan pelajar*. Kuala Lumpur: Oxford Fajar Sdn. Bhd.
- Sowislo, J. F., & Orth, U. (2012). Does low self-esteem predict depression and anxiety? A meta-analysis of longitudinal studies. *Psychological Bulletin*, 139(1): 213–240. <http://doi.org/10.1037/a0028931>.
- Syed Ismail Syed Mustapa & Meor Aris Meor Hamzah (2016). *Cabaran dan isu semasa dunia*. Petaling Jaya: Sasbadi Sdn Bhd.
- Zarina Muhammad (2010). Aspek pembinaan negara bangsa dan pembinaan kemahiran dalam kursus umum wajib universiti: Persepsi pelajar IPTA dan IPTS. *Proceedings The Regional On Science, Technology and Social Sciences 2010 UITM Pahang* pada 1-2 Jun 2010 di MS Garden Hotel, Kuantan Pahang.
- Zarina Muhammad, Jayum Jawan, Zaid Ahmad, Normala Othman & Siti Aishah (2007). Penilaian pelajar UPM dan UNITEN terhadap aspek kemahiran, sikap dan pengetahuan dalam kursus umum universiti. *Monograf 6, Isu dan cabaran pendidikan tinggi*, UPM, Serdang: Pusat Pembangunan Akademik (CADE).
- Zulhilmi Paidi & Rohani Abdul Ghani (2003). *Pendidikan negara bangsa*. Bentong: PTS Publications & Distribution Sdn Bhd.

Zukarnian Zakaria & Hishamuddin Md Som (2001). *Analisis data menggunakan SPSS WINDOWS*.  
Johor Baharu: Penerbit Universiti Teknologi Malaysia.